



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku Hitler #2**

Pada bulan Januari 2016, PTS Media Group menerbitkan sebuah lagi buku novel sejarah yang ditulis oleh Al-Ghazali, iaitu Hitler #2. Menerusi buku yang berharga RM24 ini, penulis mendapat idea apabila menonton sebuah filem yang diarahkan oleh Quentin Tarantino yang bertajuk *Inglourious Basterds*. Filem itu mengisahkan tentang sekumpulan tentera United States yang dihantar ke Eropah bagi membunuh Hitler. Walaupun filem itu menarik, ia adalah sebuah karya rekaan Tarantino yang hanya mengambil latar tempat, watak, dan peristiwa. *Inglourious Basterds* tiada asas sejarah. Justeru, penulis mengambil keputusan bagi mengkaji serba-sedikit tentang Hitler.

Nama Hitler sudah tidak perlu diperkenalkan lagi, semua orang sudah sedia mengetahui apa yang dilakukannya. Tetapi, berapa ramai yang mengetahui apakah latar belakang Hitler. Daripada keluarga bagaimana dia berasal. Apakah latar belakang pendidikannya. Siapakah Hitler sebelum dia memimpin Parti Nazi. Bagaimana Parti Nazi boleh diasaskan. Siapakah orang kuatnya dalam parti. Apakah pegangan politik Hitler. Agama apakah yang dianuti Hitler. Penulis mendedahkan banyak perkara menarik yang tidak diketahui umum.

Dengan adanya buku ini, para peminat novel sejarah dapat mengenali Hitler dengan lebih dekat. Penulis banyak merujuk kisah Hitler ini melalui sebuah buku tulisan William L. Shirer yang bertajuk *The Rise and Fall of the Third Reich*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my